



26 Ogos 2011
26 August 2011
P.U. (A) 308

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (CARA RAYUAN) 2011

SOLID WASTE AND PUBLIC CLEANSING MANAGEMENT (MANNER OF APPEAL) REGULATIONS 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN
PEMBERSIHAN AWAM (CARA RAYUAN) 2011

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Cara rayuan
3. Alasan keputusan
4. Keputusan Menteri atas rayuan

AKTA PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN
PEMBERSIHAN AWAM (CARA RAYUAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 13 dan 29 Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [*Akta 672*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Cara Rayuan) 2011**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2011.

Cara rayuan

2. (1) Seseorang yang terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah yang dibuat di bawah Bahagian III dan IV Akta boleh merayu kepada Menteri dalam masa empat belas hari dari tarikh keputusan itu disampaikan kepada orang itu dengan menyampaikan suatu notis rayuan kepada Menteri.

(2) Suatu notis rayuan di bawah subperaturan (1) hendaklah—

(a) dibuat secara bertulis dalam bahasa kebangsaan dan boleh disertakan dengan terjemahan dalam bahasa Inggeris;

(b) menyatakan alasan rayuan yang menerangkan kandungan keputusan Ketua Pengarah yang dirayu itu;

(c) mengandungi alamat di mana apa-apa notis atau dokumen yang berkaitan dengan rayuan itu boleh disampaikan kepada perayu; dan

(d) ditandatangani oleh perayu itu.

(3) Perayu itu hendaklah juga menyampaikan suatu salinan notis rayuan kepada Ketua Pengarah.

Alasan keputusan

3. Apabila menerima suatu salinan notis rayuan yang disampaikan di bawah subperaturan 2(3), Ketua Pengarah hendaklah mengemukakan suatu pernyataan alasan keputusannya kepada Menteri dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan salinan notis rayuan itu.

Keputusan Menteri atas rayuan

4. (1) Menteri hendaklah, selepas menimbang—

(a) alasan rayuan yang dinyatakan oleh perayu di bawah perenggan 2(2)(b); dan

(b) pernyataan alasan keputusan yang dikemukakan oleh Ketua Pengarah di bawah peraturan 3,

memutuskan rayuan.

(2) Keputusan Menteri atas rayuan itu hendaklah disampaikan kepada perayu oleh Ketua Pengarah melalui suatu notis bertulis dalam masa tujuh hari dari tarikh Ketua Pengarah diberitahu tentang keputusan sedemikian.

(3) Keputusan Menteri atas rayuan itu adalah muktamad dan mengikat.

Dibuat 24 Ogos 2011
[KPKT/PUU/(S)/8/11; PN(PU2)671/V]

DATO' WIRA CHOR CHEE HEUNG
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SOLID WASTE AND PUBLIC CLEANSING MANAGEMENT ACT 2007

SOLID WASTE AND PUBLIC CLEANSING MANAGEMENT
(MANNER OF APPEAL) REGULATIONS 2011

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Regulation

1. Citation and commencement
2. Manner of appeal
3. Grounds of decision
4. Decision of Minister on appeal

SOLID WASTE AND PUBLIC CLEANSING MANAGEMENT ACT 2007

SOLID WASTE AND PUBLIC CLEANSING MANAGEMENT
(MANNER OF APPEAL) REGULATIONS 2011

IN exercise of the powers conferred by sections 13 and 29 of the Solid Waste and Public Cleansing Management Act 2007 [Act 672], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Solid Waste and Public Cleansing Management (Manner of Appeal) Regulations 2011**.

(2) These Regulations come into operation on 1 September 2011.

Manner of appeal

2. (1) A person who is aggrieved by the decision of the Director General made under Parts III and IV of the Act may appeal to the Minister within fourteen days from the date the decision is communicated to such person by serving a notice of appeal on the Minister.

(2) A notice of appeal under subregulation (1) shall—

(a) be made in writing in the national language and may be accompanied by a translation in the English language;

(b) state the grounds of the appeal stating the substance of the decision of the Director General appealed against;

(c) contain an address at which any notices or documents connected with the appeal may be served upon the appellant; and

(d) be signed by the appellant.

(3) The appellant shall also serve a copy of the notice of appeal on the Director General.

Grounds of decision

3. Upon receipt of a copy of the notice of appeal served under subregulation 2(3), the Director General shall submit a statement of the grounds of his decision to the Minister within fourteen days from the date of receipt of the copy of the notice of appeal.

Decision of Minister on appeal

4. (1) The Minister shall, after considering—

(c) the grounds of appeal stated by the appellant under paragraph 2(2)(b); and

(d) the statement of the grounds of decision submitted by the Director General under regulation 3,

decide on the appeal.

(2) The decision of the Minister on the appeal shall be communicated to the appellant by the Director General through a written notice within seven days from the date the Director General is notified of such decision.

(3) The decision of the Minister on the appeal shall be final and binding.

Made 24 August 2011
[KPKT/PUU/(S)/8/11; PN(PU2)671/V]

DATO' WIRA CHOR CHEE HEUNG
Minister of Housing and Local Government